

## TAHAP PENGETAHUAN KURIKULUM DAN AMALAN PEDAGOGI TERBEZA GURU-GURU PENDIDIKAN ISLAM ZON SELATAN MALAYSIA

*Zurina Mustaffa*<sup>1</sup>, *Zaharah Hussin*<sup>2</sup> & *Abdul Muhsien Sulaiman*<sup>3</sup>

*Universiti Malaya*

*zurinamustaffa2020@gmail.com*<sup>1</sup>, *zaharah@um.edu.my*<sup>2</sup> & *muhsin.sulaiman@um.edu.my*<sup>3</sup>

### ABSTRACT

*Various approaches have been introduced by the Ministry of Education Malaysia in producing excellent human capital in this world and in the hereafter. Through the Second Wave Malaysia Education Development Plan (2016-2020), the ministry has planned a new approach, namely Differentiated Pedagogy. Differentiated Pedagogy is a flexible and flexible teaching approach to be implemented in a classroom that has diverse students whether diverse in terms of readiness, interest, and learning profile. This approach also involves teachers modifying 4 main elements, namely content, process, product/outcome, and environment based on aspects of readiness, interest and learning profile of students. This study was conducted with the aim to identify the level of curriculum knowledge of Islamic Education teachers and the level of knowledge of Differentiated Pedagogy practices among Islamic Education teachers. Data were collected using an online questionnaire involving 361 Southern Zone Islamic Education teachers. An inventory of curriculum knowledge and teacher practice in Differentiated Pedagogy was used and had a Cronbach Alpha value of 0.96. The inventory was adapted and modified to meet the needs of this study. The findings of the study show that the level of curriculum knowledge and the level of practice of Islamic Education teachers are at a moderate level. Therefore, it is hoped that the State Education Department, District Education Office, administrators, and national coaches can disseminate information related to Differentiated Pedagogy so that it can be implemented in the teaching and learning of teachers in the classroom.*

*Keywords: Curriculum knowledge, Differentiated Pedagogy, Differentiated Pedagogy practice*

### ABSTRAK

Pelbagai pendekatan yang telah diperkenalkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia dalam melahirkan modal insan yang cemerlang di dunia dan di akhirat. Melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia Gelombang Kedua (2016-2020), kementerian telah merancang satu pendekatan baharu iaitu Pedagogi Terbeza. Pedagogi Terbeza merupakan pendekatan pengajaran yang mudah lentur dan fleksibel untuk diimplementasikan di dalam bilik darjah yang mempunyai murid yang pelbagai sama ada pelbagai dari aspek kesediaan, minat dan profil pembelajaran. Pendekatan ini juga melibatkan guru mengubah suai 4 elemen utama iaitu kandungan, proses, produk/hasil dan persekitaran berdasarkan aspek kesediaan, minat dan profil pembelajaran murid. Kajian ini dijalankan dengan tujuan untuk mengenal pasti tahap pengetahuan kurikulum guru Pendidikan Islam dan tahap pengetahuan amalan Pedagogi Terbeza dalam kalangan guru Pendidikan Islam. Data dikumpulkan menggunakan soal selidik atas talian yang melibatkan 361 orang guru Pendidikan Islam Zon Selatan. Satu set inventori iaitu inventori pengetahuan kurikulum dan amalan guru dalam Pedagogi Terbeza telah digunakan dan mempunyai nilai Cronbach Alpha 0.96. Inventori tersebut diadaptasi dan diubahsuai bagi memenuhi keperluan kajian ini. Dapatan kajian menunjukkan tahap pengetahuan kurikulum dan tahap amalan guru Pendidikan Islam berada pada tahap yang sederhana. Justeru itu adalah diharapkan agar Jabatan Pendidikan Negeri, Pejabat Pendidikan Daerah, pentadbir dan jurulatih-jurulatih kebangsaan

dapat menyebar luas maklumat berkaitan Pedagogi Terbeza supaya ia dapat dilaksanakan dalam pengajaran dan pembelajaran guru di bilik darjah.

Kata kunci: Pengetahuan kurikulum, Pedagogi Terbeza, amalan Pedagogi Terbeza

## **PENGENALAN**

Pedagogi Terbeza merupakan satu pendekatan pengajaran yang baharu yang diperkenalkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia dalam memartabatkan pengajaran guru kepada kepelbagaian murid di bilik darjah. Pedagogi Terbeza dinyatakan dengan jelas dalam Pembangunan Pelan Pendidikan Malaysia (PPPM) Gelombang kedua (2016-2020) (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2018b). Hal ini jelas menunjukkan Pedagogi terbeza sangat penting dilaksanakan dalam bilik darjah memandangkan bermula tahun 2019 murid tidak lagi diletakkan di dalam kelas yang berbeza berdasarkan pencapaian, bahkan murid berada dalam kelas yang bercampur. Situasi ini jelas apabila bekas ketua pengarah pendidikan telah mengumumkan bahawa tiada lagi *streaming class* dan murid akan berada di dalam kelas yang bercampur (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2018a).

Pedagogi mula dilaksanakan dalam rintis bagi mata pelajaran bahasa Melayu yang disebar luas oleh Institut Pendidikan Guru kampus Bahasa Melayu. Pelaksanaan ini menunjukkan terdapat respon yang positif daripada guru dan murid (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2018b). Oleh itu, pengkaji ingin mengambil inisiatif untuk melaksanakan Pedagogi Terbeza dalam kalangan guru-guru Pendidikan Islam.

Pedagogi Terbeza telah diguna pakai oleh negara-negara luar seperti *United States of America*, Indonesia, China dan Hong Kong serta beberapa negara yang lain (Ali Tared Aldossari, 2018; Bondie et al., 2019; Muhamad Nanang Suprayogi & Valcke, 2016). Pedagogi Terbeza mula dirintis oleh Tomlinson di *United States of America* dan beliau berpendapat bahawa Pedagogi Terbeza sangat penting untuk guru mengamalkannya di mana guru akan mementingkan keperluan murid yang berbeza dari segi kesediaan, minat dan profil pembelajaran (Tomlinson, 1999).

Tomlinson (1999), (2008),( 2000) menyatakan bahawa dalam Pedagogi Terbeza guru akan menyesuaikan kandungan pelajaran, menyesuaikan proses pengajaran, menyesuaikan penilaian produk/hasil murid dan juga menyesuaikan persekitaran murid. Elemen-elemen ini sangat penting dalam Pedagogi Terbeza di mana penyesuaian yang dilakukan guru berdasarkan kesediaan murid, minat murid dan profil pembelajaran murid. Antara elemen-elemen yang diubahsuai iaitu:

### **i. Kandungan**

Kandungan merujuk kepada kurikulum yang diajar murid. Guru mengubah suai kandungan pelajaran mengikut kesediaan murid, minat dan profil pembelajaran. Contohnya guru menyesuaikan kandungan pelajaran dengan memadankan kemahiran dan konsep yang akan diajar dengan keperluan dan kemampuan murid sama ada kemampuan murid pada aras tinggi atau rendah (Maker & Shiever, 2005).

### **ii. Proses**

Proses merujuk kepada proses pengajaran yang melibatkan aktiviti-aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang dirancang oleh guru. Guru boleh mengubah suai proses pengajaran mengikut

minat dan gaya pembelajaran murid (Gregory & Chapman, 2013). Contohnya guru boleh melaksanakan proses pengajaran dengan merancang aktiviti pengajaran murid seperti mengajar dengan menggunakan LCD bagi murid yang mempunyai gaya belajar visual manakala guru juga boleh meminta murid melakukan gerak kerja kumpulan bagi murid yang mempunyai gaya pembelajaran kinestetik.

### **iii. Produk/hasil**

Produk atau hasil merujuk kepada hasil yang dipamerkan oleh murid setelah menguasai kandungan dan mengikuti proses pengajaran murid. Guru mengubahsuai dalam menilai produk yang dihasilkan murid kerana murid menghasilkan produk atau hasil yang pelbagai. Namun murid juga boleh menghasilkan produk atau hasil yang sama dengan rakan yang lain (Maker & Shiever, 2005). Contohnya dalam menunjukkan produk atau hasil murid boleh menunjukkan laporan dalam bentuk teks, power point atau peta minda.

### **iv. Persekitaran**

Persekitaran merujuk kepada persekitaran di dalam bilik darjah atau pun di luar bilik darjah yang memberi fungsi kepada murid. Persekitaran yang diubah suai dimaksudkan murid boleh berada dalam kumpulan, berpasangan ataupun individu (Brigandi et al., 2019). Guru yang melaksanakan Pedagogi Terbeza juga boleh menyusun atur kedudukan murid di dalam kelas secara fleksibel, tidak tetap dan sentiasa memastikan keadaan bilik darjah yang kondusif kepada murid termasuk keadaan fasiliti yang baik seperti keperluan kepada lampu, kipas dan sebagainya (Tomlinson, 2014).

Dengan membincangkan elemen-elemen penting dalam Pedagogi Terbeza menunjukkan betapa penting guru mengamalkannya dalam memenuhi keperluan murid yang pelbagai di dalam bilik darjah. Hal ini selaras dengan kajian Abd. Khahar bin Saprani et al. (2018) yang menyatakan Pedagogi Terbeza merupakan suatu pedagogi yang bersifat mudah lentur dan diubah suai mengikut kepelbagaian murid dan secara tidak langsung dapat memberi keadilan kepada murid yang pelbagai di dalam bilik darjah.

## **PERNYATAAN MASALAH**

Terdapat pelbagai isu pengajaran yang telah diperkatakan, lebih-lebih lagi isu pengajaran kepada kepelbagaian murid. Antara isu pengajaran ialah masih terdapat guru yang tidak mengetahui tentang Pedagogi Terbeza yang sesuai diimplementasikan di dalam bilik darjah yang mempunyai kepelbagaian murid. Pernyataan ini senada dengan dapatan kajian Daniel Arif Abdul Muttalip (2020) yang mendapati masih ramai guru yang tidak mengetahui tentang adanya Pedagogi Terbeza. Selain itu terdapat guru yang mempunyai masalah dalam menangani murid yang pelbagai tingkah laku dan karakter yang pelbagai di dalam bilik darjah. Dapatan kajian Nurhijrah Zakaria et al. (2020) menunjukkan guru tidak dapat mengawal murid yang mempunyai pelbagai tingkah laku di dalam bilik darjah dan menyukarkan guru untuk mengajar. Hal yang sama turut diakui oleh Tengku Sarina Aini Tengku Kasim dan Fatimah Sahida Abdurajak (2018) yang mengakui bahawa masih terdapat guru yang mempunyai masalah dalam mengawal tingkah laku murid ketika mengajar di dalam kelas.

Isu pengajaran guru juga sering dikaitkan dengan pedagogi guru. Terdapat sebahagian guru yang mempunyai masalah dalam pedagogi guru. Hal ini selari dengan dapatan kajian Nurahimah Mohd Yusof et al. (2017) yang menyatakan masih terdapat guru yang tidak kompeten dalam

pengajaran serta kurang pengetahuan dalam pedagogi. Oleh yang demikian, kajian ini sangat bersesuaian dijalankan untuk mengetahui pengetahuan kurikulum dan amalan pedagogi Terbeza dalam kalangan guru Pendidikan Islam sekolah Rendah. Pedagogi Terbeza masih belum tersebar luas dan belum dilaksanakan dalam mata pelajaran Pendidikan Islam. Justeru itu perlu diketahui pengetahuan kurikulum Guru Pendidikan Islam terhadap Pedagogi Terbeza.

### **Pengetahuan Kurikulum**

Pengetahuan kurikulum yang diajar guru merupakan faktor utama yang perlu dibincangkan guru-guru Pendidikan Islam kerana dengan pengetahuan kurikulum yang mendalam, guru akan memahami Pedagogi Terbeza dengan baik. Hal ini jelas dengan kajian Ahmad Taufik (2019) yang menyatakan kurikulum berfungsi sebagai panduan yang menjadi petunjuk arah kepada guru dalam membimbing dan mendidik murid-murid.


Guru seharusnya menguasai kurikulum yang diajar di dalam bilik darjah bagi memudahkan amalan Pedagogi Terbeza. Melalui kurikulum, akan wujud interaksi dua hala iaitu interaksi antara guru dengan murid dan akan menghasilkan perubahan tingkah laku (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2018). Selain menguasai kurikulum dengan baik, guru juga seharusnya peka dengan perubahan kurikulum dari masa ke semasa. Ini dibuktikan dengan perubahan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) yang berlaku perubahan pada isi kandungan pelajaran dan cara pelaksanaannya (Abu Bakar Nordin, 2013).

Sekalipun guru dapat menguasai pengetahuan kurikulum, guru juga perlu mengetahui bagaimana ingin menarik perhatian murid-murid dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Bahan pengajaran merupakan satu alat yang amat penting yang dijadikan medium pengajaran. Antara contoh bahan pengajaran yang sering digunakan guru adalah LCD, projektor, peta minta, carta, video dan sebagainya (Abdul Rasid Jamian dan Hasmah Ismail, 2013). Namun masih terdapat guru yang tidak mengambil peduli tentang kepentingan penggunaan bahan pengajaran semasa proses pengajaran berlaku. Pandangan ini berpadanan dengan dapatan kajian Cathrine Binti Masingan dan Sabariah Bte Sharif (2019) yang menyatakan masih terdapat guru yang mengajar menggunakan kaedah pengajaran berpusatkan guru dengan menggunakan kaedah syarahan.

Penguasaan guru dalam kurikulum yang diajar, tahu mereka bentuk dan mencipta bahan pengajaran adalah merupakan asas kepada guru dalam memperkembangkan pengajaran. Namun guru juga perlu dibekalkan dengan kemahiran pedagogi. Kemahiran pedagogi guru dilatih ketika guru mengikuti kursus latihan perguruan sama ada di Institut Pendidikan Guru atau di Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA). Peranan IPG adalah untuk melatih guru-guru dalam menguasai ilmu pedagogi seperti Latihan Perguruan Berasaskan Sekolah (LPBS) (Mustapha Kamal Ahmad Kassim, 2015). Walaupun guru dibekalkan dengan kemahiran pedagogi, namun masih terdapat segelintir guru yang tidak dapat menguasai sepenuhnya ilmu pedagogi seperti guru tidak dapat mengawal dan mengendalikan bilik darjah dengan baik. Pernyataan ini selari dengan dapatan kajian Mazura binti Sulaiman dan Wak Chu a/p Wok (2018) yang menyatakan sekiranya guru tidak dapat merancang pengajaran harian dengan baik, maka murid akan bosan dan akan membuat bising di dalam bilik darjah, mengganggu rakan yang lain serta tidak menghormati guru.

Secara keseluruhannya, pengetahuan kurikulum sangat penting bagi seorang guru yang berperanan sebagai pendidik dalam melahirkan generasi baharu yang akan menjadi modal insan negara. Pengkaji menggambarkan pengetahuan kurikulum dalam rajah 1 di bawah.

Rajah 1: Pengetahuan kurikulum guru




### Model Pengetahuan Pedagogi Kandungan

Pengetahuan kurikulum sangat penting dalam kalangan guru kerana ia merupakan sumber penggerak dalam pengajaran guru. Guru yang menguasai kurikulum bermakna guru menguasai isi kandungan dan boleh menyampaikan isi kandungan yang baik kepada murid. Pernyataan ini selari dengan model pengetahuan pedagogi kandungan oleh Shulman pada tahun 1986 (Shulman, 1986). Menurut (Shulman, 1986) guru hendaklah menguasai kandungan sama ada dari sudut fakta, konsep dan generalisasi. Ini menunjukkan guru perlu menguasai kandungan kurikulum yang diajar seperti konsep, fakta, tajuk dan aras kesukaran tajuk. Selain dari menguasai kandungan kurikulum guru juga seharusnya menguasai pedagogi. Hal ini senada dengan pendapat Shulman (1986) yang menyentuh tentang guru perlu mengetahui tentang strategi pengajaran sebagai medium untuk memahami murid dalam menyampaikan kandungan yang diajar.

Oleh itu pengetahuan kandungan dan pengetahuan pedagogi tidak dapat dipisahkan daripada nafas warga pendidik. Pengkaji menggambarkan model pengetahuan pedagogi kandungan seperti rajah 2 di bawah.

Rajah 2: Pengetahuan Pedagogi Kandungan



### OBJEKTIF KAJIAN

Oleh itu, bagi melihat tahap pengetahuan kurikulum dan amalan Pedagogi Terbeza guru-guru Pendidikan Islam Zon selatan, kajian ini dijalankan berdasarkan objektif berikut:

1. Mengenal pasti tahap Pengetahuan Kurikulum guru berdasarkan aspek (i) Pengetahuan tentang bahan pengajaran, (ii) Pengetahuan tentang kaedah pengajaran tilawah al-Quran dan (iii) Pengetahuan tentang kemahiran pedagogi.
2. Mengenal pasti tahap amalan Pedagogi Terbeza berdasarkan aspek (i) Amalan guru dalam mengubah suai kandungan, (ii) Amalan guru dalam mengubah suai proses, (iii) Amalan guru dalam mengubah suai penilaian produk/hasil dan (iv) Amalan guru dalam mengubah suai persekitaran.

## SOALAN KAJIAN

Dua soalan kajian yang diutarakan berdasarkan objektif kajian iaitu:

1. Apakah tahap pengetahuan kurikulum guru Pendidikan Islam berdasarkan aspek (i) Pengetahuan tentang bahan pengajaran, (ii) Pengetahuan tentang kaedah pengajaran tilawah al-Quran dan (iii) Pengetahuan tentang kemahiran pedagogi?
2. Apakah tahap amalan Pedagogi Terbeza berdasarkan aspek (i) Amalan guru dalam mengubah suai kandungan, (ii) Amalan guru dalam mengubah suai proses, (iii) Amalan guru dalam mengubah suai penilaian produk/hasil dan (iv) Amalan guru dalam mengubah suai persekitaran?

## METODOLOGI

Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian tinjauan (*survey*). Pengkaji menggunakan soal selidik sebagai alat kajian. Soal selidik ini adalah diadaptasi dari soal selidik (Habibah@Artini Ramlie, 2017; Normazidah Mahmood, 2012) dan diadaptasi dari kajian Mengistie (2020) yang telah diterjemahkan dan telah dijalankan proses *back to back translation* (Eun-Seok Cha et al., 2007). Pengkaji menggunakan tiga orang pakar bahasa Melayu dan dua orang pakar Bahasa Inggeris dan diubah suai mengikut kesesuaian bidang kajian pengkaji.

Soal selidik ini mempunyai 46 item yang mempunyai nilai Cronbach Alpha 0.96, di mana mengikut Nunnally & Bernstein (1994) nilai Cronbach Alpha ialah 0.60 bermaksud item-item di dalam soal selidik adalah tekal.

Sampel kajian yang digunakan oleh pengkaji adalah guru-guru Pendidikan Islam Zon Selatan dan bilangan sampel adalah 361 orang ( $n=361$ ). Bilangan guru perempuan adalah 278 orang ( $n=278$ ), manakala bilangan guru lelaki adalah 83 orang ( $n=83$ ) seperti di jadual 1.

Jadual 1: Responden Kajian

Jantina	Kekerapan	Peratus (%)
Lelaki	83	23.0
Perempuan	278	77.0
Jumlah	361	100.00

Pengkaji telah memberi tempoh masa selama dua minggu kepada responden dalam menjawab soal selidik yang diberikan secara atas talian. Pengkaji menganalisis data menggunakan SPSS dan data dianalisis secara deskriptif iaitu secara min dan peratus.

## DAPATAN

Pengkaji telah menganalisis pengalaman mengajar responden-responden kajian (n=361) seperti jadual 2 berikut.

Jadual 2: Pengalaman Mengajar

Pengalaman Mengajar	Kekerapan	Peratus (%)
1-3 Tahun	27	7.5
4-6 Tahun	46	12.7
7-9 Tahun	81	22.4
Lebih Dari 10 Tahun	207	57.3
Jumlah	361	100.0

Jadual 2 menunjukkan analisis data yang berkaitan pengalaman mengajar responden. Terdapat n=27 (7.5%) guru Pendidikan Islam yang mempunyai pengalaman mengajar selama 1 hingga 3 tahun, n=46 (12.7%) responden yang mempunyai pengalaman mengajar selama 4 hingga 6 tahun manakala guru Pendidikan Islam yang mempunyai pengalaman mengajar selama 7 hingga 9 tahun adalah seramai 81 orang (n=81) iaitu 22.4%. Bilangan guru Pendidikan Islam yang mempunyai pengalaman mengajar melebihi 10 tahun adalah seramai 207 orang (n=207) iaitu 57.3%.

Seterusnya dalam mengukur tahap pengetahuan kurikulum dan amalan guru dalam Pedagogi Terbeza, pengkaji menggunakan jadual interpretasi skor min daripada Wiersma (2000) berdasarkan jadual 3 berikut.

Jadual 3: Jadual Interpretasi Skor Min

Skor min	Interpretasi
1.00 – 2.33	Rendah
2.34 – 3.67	Sederhana
3.68 – 5.00	Tinggi

Sumber: Wiersma (2000)

### Tahap Pengetahuan Kurikulum

Pengkaji mengukur tahap pengetahuan kurikulum dengan menggunakan 19 item yang dibentuk dengan nilai Cronbach Alpha adalah 0.91 yang menunjukkan item-item ini adalah tekal (Nunnally & Bernstein, 1994). Manakala nilai skor min adalah 2.81 menunjukkan tahap pengetahuan kurikulum berada pada tahap yang sederhana (Wiersma, 2000). Berdasarkan subkonstruk, subkonstruk pengetahuan kurikulum dalam aspek kaedah pengajaran tilawah al-Quran berada pada skor min yang paling tinggi iaitu 2.98 manakala subkonstruk yang mempunyai min yang paling rendah adalah pengetahuan kurikulum dalam aspek bahan pengajaran iaitu 2.59 seperti ditunjukkan dalam jadual 4.

Jadual 4: Tahap Pengetahuan Kurikulum

Subkonstruk	N	Min	Interpretasi
Bahan Pengajaran	361	2.59	Sederhana
Pengetahuan Kaedah Pengajaran Tilawah Al-Quran	361	2.98	Sederhana
Kemahiran Pedagogi	361	2.83	Sederhana
Pengetahuan Kurikulum		2.81	Sederhana

### **Tahap Amalan Pedagogi Terbeza**

Pengkaji mengukur tahap amalan Pedagogi Terbeza dengan membentuk 27 item dan nilai Cronbach Alpha adalah 0.92 menunjukkan item-item tersebut adalah tekal (Nunnally & Bernstein, 1994). Berdasarkan interpretasi skor min Wiersma (2000), skor min amalan tahap Pedagogi Terbeza adalah 2.59 berada pada tahap yang sederhana. Berdasarkan subkonstruk, subkonstruk amalan guru dalam Pedagogi Terbeza dalam aspek guru mengubah suai penilaian terhadap produk/hasil murid berada pada skor min yang paling tinggi iaitu 2.78 manakala subkonstruk yang mempunyai min yang paling rendah adalah amalan guru dalam Pedagogi Terbeza dalam aspek guru mengubah suai kandungan iaitu 2.44 seperti ditunjukkan dalam jadual 5.

Jadual 5: Amalan Guru dalam Pedagogi Terbeza

<b>Subkonstruk</b>	<b>N</b>	<b>Min</b>	<b>Interpretasi</b>
Kandungan	361	2.44	Sederhana
Proses	361	2.54	Sederhana
Produk	361	2.78	Sederhana
Persekitaran	361	2.60	Sederhana
Amalan Guru Dalam Pedagogi Terbeza		2.59	Sederhana

### **PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN**

Secara kesimpulan dari kajian ini, pengkaji mendapati dapatan kajian ini menunjukkan tahap pengetahuan kurikulum dan tahap amalan guru dalam Pedagogi Terbeza berada pada tahap yang sederhana. Dengan dapatan kajian ini menunjukkan guru Pendidikan Islam perlu meningkatkan tahap pengetahuan kurikulum terutamanya dalam aspek pengetahuan terhadap bahan bantu mengajar, kaedah pengajaran tilawah al-Quran dan kemahiran Pedagogi dalam melancarkan proses pengajaran di bilik darjah. Hal ini diakui oleh kajian Sahli (2008) dalam Jahidih Sali dan Nurul Hamimi Awang Japilan Azmil Hashim (2019) yang menyatakan guru tidak mampu mengoptimalkan penggunaan bahan bantu mengajar. Bahan bantu mengajar sangat penting kerana ia merupakan salah satu alat yang akan menarik perhatian murid dalam proses pembelajaran. Pernyataan ini senada dengan dapatan kajian Hasnah Mohamed et al. (2014) yang menyatakan guru perlu mereka bentuk bahan pengajaran yang bersesuaian dengan tahap kognitif murid. Dapatan kajian juga menunjukkan tahap pengetahuan kaedah pengajaran tilawah al-Quran berada pada tahap sederhana. Dapatan ini selari dengan dapatan kajian Wan Ali Akbar Wan Abdullah dan Nursafra Mohd Zhaffar (2018) yang menyatakan guru masih mengamalkan kaedah pengajaran yang bersifat dogmatik dan konvensional. Selain itu, banyak kaedah pengajaran yang boleh diimplementasikan di bilik darjah namun dapatan kajian (Nurul Syuhada Johari et al. (2016) menyatakan guru perlu menggunakan kaedah pengajaran yang tepat dan bersesuaian dengan kebolehan dan kemampuan murid. Kementerian Pendidikan Islam telah menggariskan beberapa kaedah pengajaran yang sesuai untuk pengajaran al-Quran antaranya kaedah talaqqi musyafahah, tasmik, latih tubi, main peranan dan bercerita (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2018). Selain mengetahui kaedah pengajaran yang sesuai, guru juga perlu mengambil tahu tentang kemahiran pedagogi supaya dapat menyampaikan isi pelajaran dengan baik. Hal ini bertepatan dengan kajian Norma Jusoh dan Mohd Isa Hamzah (2020) yang menyatakan kemahiran pedagogi sangat penting bagi guru supaya guru dapat mengendalikan bilik darjah dengan efisien dan berkesan.

Selain dari dapatan tahap pengetahuan kurikulum yang sederhana, pengkaji juga mendapati dapatan kajian berkaitan tahap amalan guru Pendidikan Islam dalam Pedagogi Terbeza juga berada pada tahap yang sederhana. Dapatan ini selari dengan dapatan dalam kajian Daniel Arif Abdul



Muttalip, (2020) yang menyatakan tahap pengetahuan guru-guru Bahasa Melayu dalam Pedagogi Terbeza berada pada tahap yang sederhana. Menerusi kajian Rosidah Ramli dan Nurahimah Mohd Yusoff (2020) juga mendapati tahap amalan guru dalam Pedagogi Terbeza berada pada tahap yang baik.

Hal ini mungkin berlaku kerana Pedagogi Terbeza belum lagi disebar luas. Justeru itu, pengkaji mengharapkan pihak-pihak tertentu seperti Jabatan Pendidikan Negeri, Pejabat Pendidikan Daerah, pentadbir sekolah dan jurulatih-jurulatih yang dilantik agar dapat menyebarkan luas tentang bagaimana konsep dan pelaksanaan Pedagogi Terbeza.

Kajian ini memberi implikasi kepada guru Pendidikan Islam dalam membantu mereka mempelbagaikan kaedah pengajaran serta dapat meraikan kepelbagaian murid di bilik darjah. Pengkaji juga mencadangkan agar banyak kajian yang berkaitan dengan Pedagogi Terbeza dijalankan supaya ia dapat disebar luas kepada guru-guru dan boleh dijadikan sumber empirikal kepada pengkaji yang lain.

## RUJUKAN

- Abd. Khahar bin Saprani, Hapsah binti Majid, Zanariah binti Ibrahim, & Lokman bin Abd Wahid. (2018). *Pedagogi terbeza: Keadilan dalam proses pengajaran dan pembelajaran*. Jurnal Penyelidikan Pendidikan, 11, 1–17.
- Abdul Rasid Jamian, & Hasmah Ismail. (2013). *Pelaksanaan pembelajaran menyeronokkan dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu*. JPBM Malay Language Education Journal – MyLEJ, 3(2), 49–63.
- Abu Bakar Nordin. (2013). *Kurikulum ke arah penghasilan kemahiran berfikir kritis, kreatif dan inovatif*. JuKu: Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik, 1(1), 10–18. <http://www.slideshare.net/yatt87/jurnal-isu>
- Ahmad Taufik. (2019). *Pengembangan Kurikulum Pendidikan Islam*. EL-Ghiroh, 17(02), 81–102. <https://doi.org/10.37092/el-ghiroh.v17i02.106>
- Ali Tared Aldossari. (2018). *The challenges of using the differentiated instruction strategy: A case study in the general education stages in Saudi Arabia*. International Education Studies, 11(4), 74. <https://doi.org/10.5539/ies.v11n4p74>
- Bahagian Pembangunan Kurikulum. (2018). *Dokumen Standard Kurikulum Dan Pentaksiran Pendidikan Islam Tahun 4*. In Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia. Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Bondie, R. S., Dahnke, C., & Zusho, A. (2019). *How Does Changing “One-Size-Fits-All” to differentiated instruction affect teaching?* Review of Research in Education, 43(1), 336–362. <https://doi.org/10.3102/0091732X18821130>
- Brigandi, C. B., Gilson, C. M., & Miller, M. (2019). *Professional development and differentiated instruction in an elementary school pullout program: A gifted education case study*. Journal for the Education of the Gifted, 42(4). <https://doi.org/10.1177/0162353219874418>
- Cathrine Binti Masingan, & Sabariah Bte Sharif. (2019). *Pengetahuan Pedagogi Kandungan (PPK) Guru Bukan Pengkhususan Reka Bentuk dan Teknologi (RBT) di Sekolah Menengah*. Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJ - SSH), 4(6), 64–71.
- Daniel Arif Abdul Muttalip. (2020). *Pelaksanaan pendekatan pengajaran terbeza dalam kalangan guru Bahasa Melayu yang mengajar di sekolah rendah pedalaman Kategori 3*. Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu, 10(November), 29–42.

- Eun-Seok Cha, H.Kim, K., & A.Erlen, J. (2007). *Translation of scales in cross-cultural research: Issues and techniques*. Journal of Advanced Nursing, 58(4), 386–395. <https://doi.org/10.1111/j.1365-2648.2007.04242.x>
- Gregory, G. H., & Chapman, C. (2013). *Differentiated instructional strategies: One size doesn't fit all (Third Edition)*. SAGE Publications Ltd.
- Habibah@Artini Ramlie. (2017). *Pembangunan model profesionalisme guru pendidikan Islam berasaskan "Riadhah Ruhiyah."* Universiti Malaya.
- Hasnah Mohamed, Zaidatun Tasir, & Baharuddin Aris. (2014). *Pengaruh gaya kognitif terhadap pencapaian pelajar*. Konvensyen Antarabangsa Jiwa Pendidik, Ogos, 1–13.
- Jahidih Saili, & Nurul Hamimi Awang Japilan Azmil Hashim. (2019). *Pengetahuan Pedagogikal Kandungan (PPK) Pengajaran Tajwid Al-Quran Dalam Kalangan Guru KKQ Di Lembah Klang*. The Online Journal of Islamic Education, 7(1), 36–45.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2018a). *Info media, menjana maklumat pendidikan (Issue 06)*.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2018b). *Laporan tahunan 2018: Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025*. Kementerian Pendidikan Malaysia, 1–96.
- Maker, C. J., & Shiever, S. W. (2005). *Teaching models in education on the gifted (3<sup>rd</sup> edition)*. Pro Ed.
- Mazura binti Sulaiman, & Wak Chu a/p Wok. (2018). *Tinjauan tentang pengetahuan dan penerimaan terhadap pengajaran berbeza dalam kalangan siswa pendidik program Ijazah Sarjana Muda Perguruan*. Seminar Majlis Dekan MEDC2018 7-8 November 2018, November.
- Mengistie, S. M. (2020). *Primary school teachers' knowledge, attitude and practice of differentiated instruction: The case of in-service teacher-trainees of Debre Markos College of teacher education, West Gojjam Zone, Amhara Region, Ethiopia*. International Journal of Curriculum and Instruction, 12(1), 98–114.
- Muhamad Nanang Suprayogi, & Valcke, M. (2016). *Differentiated instruction in primary schools: Implementation and challenges in Indonesia*. PONTE International Scientific Researchs Journal, 72(6), 1–18. <https://doi.org/10.21506/j.ponte.2016.6.1>
- Mustapha Kamal Ahmad Kassim. (2015). *Pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran tamadun Islam di Institut Pendidikan Guru Malaysia di Lembah Klang: kajian kaedah dan keberkesannya* [Universiti Malaya]. <http://studentsrepo.um.edu.my/5987/>
- Norma Jusoh, & Mohd Isa Hamzah. (2020). *Kemahiran guru pendidikan Islam di sekolah rendah terhadap pelaksanaan pengajaran berpusatkan murid: Satu analisa*. International Journal of Education and Pedagogy, 2(3), 1–26. <http://myjms.moe.gov.my/index.php/ijeap>
- Normazidah Mahmood. (2012). *Penggunaan kaedah pengajaran Bahasa Arab dalam kalangan guru peringkat sekolah rendah: satu penilaian*. Universiti Malaya.
- Nunnally, J. C., & Bernstein, I. H. (1994). *Psychometric theory (3<sup>rd</sup> Edition)*. McGraw Hill.
- Nurahimah Mohd Yusof, Mohd Izam Ghazali, & Mohd Isha Awang. (2017). *Amalan pedagogi berpusatkan pelajar dan masalah yang dihadapi guru-guru pelatih program pensiswazahan guru untuk mengamalkan pedagogi berpusatkan pelajar semasa praktikum*. Proceedings of the ICECRS, 1(1), 599–608. <https://doi.org/10.21070/picecrs.v1i1.531>
- Nurhijrah Zakaria, Zuria Mahmud, Mohd Mahzan Awang, Mohd Izham Mohd Hamzah, Ruhizan Mohamad Yasin, & Ramlee Mustapha. (2020). *Pedagogi responsif budaya dalam pengajaran Sejarah untuk persekitaran pembelajaran bilik darjah pelbagai budaya*. Jurnal Penyelidikan Pendidikan, March.

- Nurul Syuhada Johari, Fathiyah Mohd Fakhruddin, & Asmawati Suhid. (2016). *Pendekatan dan kaedah pengajaran ibadah solat guru Pendidikan Islam menurut perspektif murid*. Online Journal of Islamic Education, 2. <https://ojie.um.edu.my/article/view/5231>
- Rosidah Ramli, & Nurahimah Mohd Yusoff. (2020). *Pengaruh pengetahuan pedagogi kandungan terhadap amalan pedagogi terbeza guru-guru sekolah menengah zon Pantai Timur Malaysia*. International Conference Teacher Education, II(APRIL), 13.
- Shulman, L. S. (1986). *Those who understand: Knowledge growth in teaching*. American Educator, 57(1), 1–22.
- Tengku Sarina Aini Tengku Kasim, & Fatimah Sahida Abdurajak. (2018). *Pengalaman pengajaran guru novis pendidikan Islam: Implikasi terhadap reka bentuk kurikulum latihan pendidikan guru*. Jurnal Pendidikan Malaysia, 43(1), 59–66.
- Tomlinson, Carol Ann. (1999). *The differentiated classroom, responding to the needs of all learners*. <http://www.ascd.org>
- Tomlinson, Carol Ann. (2008). *The goals of differentiation*. Educational Leadership, 66(3), 26–30.
- Tomlinson, Carol Ann. (2014). *The differentiated classroom: Responding to the needs of all learners (2<sup>nd</sup> Edition)*. ASCD.
- Tomlinson, Coral Ann. (2000). *Reconcilable differences? Standards-based teaching and differentiation*. Educational Leadership.
- Wan Ali Akbar Wan Abdullah, & Nursafra Mohd Zhaffar. (2018). *Penggunaan Istilah Berfikir Berdasarkan Kandungan al-Quran*. Journal of Quran Sunnah Education & Special Needs. <https://doi.org/10.33102/jqss.vol2no2.19>
- Wiersma, W. (2000). *Research method in education: An introduction (7th edition)*. Allyn and Bacon.